

Elauan harian pengawas peperiksaan sahaja lebih RM3 juta

# Kerajaan tanggung kerugian berpuluh juta

KOSMO

14/9/14

MS 2

Oleh KHADIJAH MOHAMAD  
NOR dan ZULKIFLI MANZOR  
berita@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan terpaksa menanggung kos berpuluh juta ringgit untuk mengadakan semula peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) bagi subjek Bahasa Inggeris dan Sains di seluruh negara.

Sumber memberitahu, kos itu meliputi kos kertas, logistik, elauan pengawas peperiksaan dan pelbagai kos lain yang diperlukan bagi melancarkan urusan peperiksaan.

Berdasarkan kiraan *Kosmo!* kos elauan yang perlu dibayar kerajaan kepada 51,438 pengawas peperiksaan UPSR 2014 sahaja sudah melebihi RM3 juta sehari.

“Proses untuk mengadakan UPSR melibatkan kos berpuluh juta ringgit kerana ia menggunakan kertas serta dakwat berkualiti tinggi selain perlu diedarkan ke seluruh negara,” kata sumber tersebut yang merupakan tokoh pendidikan negara kepada *Kosmo!* Ahad semalam.

Dalam pada itu, menurut seorang guru di Rawang, Se-



**KOS elauan yang perlu dibayar kerajaan untuk 51,438 pengawas peperiksaan UPSR di seluruh negara lebih RM3 juta sehari.**

langor yang pernah menjadi pengawas peperiksaan UPSR tahun lalu, beliau menerima bayaran elauan sebanyak RM60 sehari merangkumi elauan perjalanan dan makan.

“Saya menerima sekitar RM250 sepanjang empat hari bertugas sebagai pengawas peperiksaan UPSR tahun lalu, jika dibahagi purata elauan saya sekitar RM60 sehari,” katanya ketika dihubungi.

Berdasarkan purata elauan guru tersebut, ini bermakna kerajaan perlu menanggung kos lebih RM3 juta untuk membayar elauan pengawas

peperiksaan UPSR pada peperiksaan khas 30 September ini.

Sementara itu sehingga semalam, polis sudah mengambil keterangan enam pegawai Lembaga Peperiksaan (LP) dan seorang wartawan akhbar bahasa Melayu bagi membantu siasatan berhubung kes kebocoran dua soalan peperiksaan UPSR.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Senior Asisten Komisiner Gan Kong Meng berkata, polis sedang mengumpul keterangan daripada pelbagai pihak bagi

mengenal pasti dalang di sebaliknya kejadian itu.

Berikutan kebocoran itu, kertas peperiksaan Bahasa Inggeris 014/1 dan 014/2 dibatalkan setelah murid menduduki peperiksaan tersebut pada Khamis lalu manakala kertas peperiksaan Sains 018, 028 dan 038 juga terpaksa ditangguhkan sebelum sempat calon UPSR menduduki peperiksaan tersebut pada hari yang sama.

LP menetapkan 30 September sebagai tarikh baharu bagi peperiksaan kedua-dua kertas itu.

## INFO UPSR 2014

- 473,175 calon
- 51,438 pengawas peperiksaan
- 8,299 pusat peperiksaan
- 382 bilik simpanan kebal
- 7,756 jumlah sekolah rendah
- Kertas peperiksaan UPSR dicetak di dalam negara. Bagaimanapun, lokasinya dirahsiakan manakala kertas peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dicetak di United Kingdom